

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/366903138>

CABARAN PEMERKASAAN REPRESENTASI POLITIK WANITA DI MALAYSIA (1980-2013) [THE CHALLENGE TO EMPOWERMENT WOMEN'S POLITIC REPRESENTATIVE IN MALAYSIA (1980-2013)]

Article · January 2023

CITATIONS

0

READS

1,094

1 author:



Nor Rafidah Saidon

University Malaysia Sarawak

9 PUBLICATIONS 16 CITATIONS

SEE PROFILE

**CABARAN PEMERKASAAN REPRESENTASI POLITIK WANITA DI MALAYSIA
(1980-2013)**

**[THE CHALLENGE TO EMPOWERMENT WOMEN'S POLITIC
REPRESENTATIVE IN MALAYSIA (1980-2013)]**

NOR RAFIDAH SAIDON¹

¹ Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail: adeif_07@yahoo.com

Received: 26th September 2022 Accepted: 30th September 2022 Published: 30th September 2022

Abstrak: Artikel ini membincangkan mengenai cabaran pemeraksanaan representasi politik wanita di Malaysia bagi tahun 1980-2013. Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti cabaran pemeraksanaan representasi politik wanita dalam penglibatan politik. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam penyelidikan ini melalui pemerhatian dan temubual bersama beberapa orang informan yang terpilih dalam kalangan bekas menteri kabinet ataupun ahli kabinet, sarjana yang pernah membuat kajian tentang gender dan juga ahli parlimen serta DUN. Selain itu, penyelidik juga memperolehi data sekunder yang berkaitan dengan kajian ini. Data-data dan jadual yang diperolehi dari sumber yang diyakini, kemudiannya dianalisis secara kualitatif. Kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini ialah teori kepimpinan, konsep pemeraksanaan dan konsep gender. Hasil kajian mendapati kemampuan kepimpinan wanita tidak dipengaruhi oleh gender sebaliknya hanya mempengaruhi gaya kepimpinannya sahaja. Pemeraksanaan representasi politik wanita dalam badan perundangan negara (Parlimen) dan kerajaan tempatan (DUN) bukan sahaja dapat mengubah keadaan politik semasa tetapi juga mengubah pandangan masyarakat terhadap kemampuan wanita sebagai pemimpin.

Kata Kunci: *wanita, representasi, pemeraksanaan, cabaran dan kepimpinan*

Abstract: This study discusses the challenges empowerment of women's politic representative in Malaysia for the year between 1980-2013. The aim of this study was to examine the challenges empowerment of women's politic representation in political participation. Qualitative method is used in this research through observation and interviews with some informants were selected among former cabinet ministers or cabinet members, scholars who have made a study of gender and a member of parliament and DUN. In addition, the researchers also obtained secondary data related to this study. The data and tables obtained from sources believed to be, then analyzed qualitatively. The conceptual framework used in this study is the concept of leadership theories, empowerment and gender. The study found that the ability of women's leadership is not influenced by gender but only affected her leadership style. The empowerment of women's representation in the Parliament and state assembly will not only

change the current political situation but also be able to change the public's view of women's abilities as a leader.

Keywords: *women, representation, empowerment, challenges and leadership*

Cite This Article:

Nor Rafidah Saidon (2022) Cabaran Pemerkasaan Representasi Politik Wanita Di Malaysia (1980-2013) [The Challenge To Empowerment Women's Politic Representative In Malaysia (1980-2013)]. *TIJARI International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship* 2(3), 1-16

PENDAHULUAN

Artikel ini cuba meninjau pemerkasaan representasi wanita dalam penglibatan politik di Malaysia pada tahun 1980-2013. Tinjauan ini juga cuba menelusuri cabaran representasi wanita dalam penglibatan politik wanita di Malaysia. Tranformasi penglibatan wanita dalam politik dapat dilihat dalam pelbagai dimensi. Tinjauan ini juga melihat perubahan secara mendasar pada akar umbi politik wanita iaitu di peringkat bawahan dan perubahan keanggotaan dalam parti.

Ramai wanita yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan terdiri daripada golongan profesional. Mereka mempunyai kesedaran politik yang tinggi, sering membuat persediaan awal dan mempunyai kemahuan untuk menceburkan diri dalam bidang politik kerana tujuan dan aspirasi tertentu. Secara tidak langsung telah memberi kesedaran dan menyumbang kepada peningkatan golongan wanita profesional tentang pentingnya mereka menyertai politik terutama untuk keseimbangan gender dalam pembuatan keputusan.

Andaian kajian ini ialah wanita pada hari ini, dilihat lebih bersedia dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam politik serta peranan mereka sebagai pengimbang dalam pembuatan keputusan. Oleh itu, penglibatan wanita dalam politik amat penting kerana mampu merubah masa depan dan pandangan masyarakat terhadap wanita serta peranan mereka dalam membuat keputusan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian boleh dilihat melalui jumlah penglibatan wanita dalam politik sejak tahun 1980-2013 sentiasa meningkat namun bilangannya masih lagi kurang memuaskan terutamanya bagi wanita untuk berada di kedudukan kepimpinan tertinggi. Sejak tahun 1980-2013 tidak banyak perubahan penglibatan politik wanita yang dapat dilihat. Penglibatan wanita perlu dalam politik kerana dua sebab iaitu sebagai tuntutan keadilan kesaksamaan gender untuk wanita dan membolehkan kepentingan wanita terhadap beberapa isu utama dapat diperdengar serta diambilkira. Sebagaimana (Hoyt, 2007) menjelaskan kekurangan jumlah wanita dalam kepimpinan peringkat atasan akibat tiga faktor. Pertama, faktor modal insan merangkumi isu taraf pendidikan, pengalaman kerja dan konflik kerjaya-rumah tangga. Kedua, faktor gender menimbulkan soal gaya dan keberkesanan kepimpinan, komitmen, motivasi, promosi diri dan kemahiran perundingan. Ketiga, faktor prejudis terhadap wanita membentuk stereotaip gender,

penilaian dan persepsi bias terhadap kepimpinan wanita. (Andek Masnah, 1999) pula mengatakan bahawa dalam konteks Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen beliau menyatakan wanita diharuskan melibatkan diri di arena politik sebagai pengundi dalam pilihanraya. Ini bererti apabila seseorang wanita itu membuang undi di tempat pengundian yang disediakan, dia telah memilih seorang wakil yang mewakilinya ke Dewan Perundangan Negeri atau ke Dewan Rakyat. Calon yang dipilihnya itu akan mewakilinya serta menyuarakan pendapatnya dan membelanya.

Memperkasa representasi wanita dalam penglibatan politik di Malaysia adalah sangat penting kerana ia dapat membantu meningkatkan kedudukan dan KPI kaum wanita sebagaimana objektif Dasar wanita Negara (1989). Jumlah representasi wanita di dalam politik masih kecil. Ketaksamaan gender boleh dilihat melalui jumlah peluang pencalonan wanita dalam pilihanraya. Setiap kali pilihanraya diadakan, isu mengenai pencalonan wanita sentiasa hangat. Parti pemerintah memberi harapan bilangan calon wanita dalam pilihanraya akan ditambah. Tetapi wanita terus menjadi golongan ‘underrepresent’ dalam politik.

TEORI DAN KONSEP

KEPIMPINAN

Sering kali kepimpinan dinilai melalui gaya kepimpinan lelaki, oleh itu wanita sering dianggap lemah dan kurang sesuai untuk menjadi seorang pemimpin. Walhal kepimpinan adalah tidak dipengaruhi oleh gender, sebaliknya hanya gaya kepimpinan sahaja yang dipengaruhi oleh gender. Menurut (Ragins & Cotton 1991), pemimpin lelaki dan wanita dinilai oleh orang bawahan tidak berdasarkan jantina tetapi berdasarkan kuasa mereka. Jika dibandingkan kepimpinan lelaki dan wanita, lelaki dilihat lebih agresif, bercita-cita tinggi, berdaya saing dan mampu memenuhi kehendak pelanggan sedangkan kaum wanita dilihat lebih kepada seseorang yang penuh kasih sayang, lemah lembut, dan lebih mesra serta lebih sesuai menjadi pengikut.

Sementara itu, menurut (Carless, 1998; Druskat, 1994) yang telah menyelidik tentang jantina dan kepimpinan transformasi dari pelbagai perspektif, kepimpinan transformasi adalah lebih bersikap feminin. Perbezaan kepimpinan antara lelaki dan wanita memberi impak yang besar dalam organisasi melalui perhubungan seharian dalam pengurusan pejabat kerana perbezaan jantina memberi perspektif dan jangkaan yang berlainan terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, menurut (McShane dan Von Glinow, 2008) dalam kajiannya mengatakan bahawa;

“leadership studies on real work settings have generally found that male and female leader do not differ in their levels of task oriented or people oriented leaderships. However, women do adopt a participative leadership style more readily than their male counterparts.”

(Vasundara. M.R, 2015) pula menyatakan bahawa;

“leadership is not the essential and inherent characteristics of men; training and socialization make men and women equally acquire the capacity of leadership.”

Pemimpin wanita juga mempunyai daya saing yang tinggi sama seperti pemimpin lelaki, malah mereka juga bukan sahaja boleh melakukan pelbagai perkara serta tugas tetapi juga boleh memimpin dan memasuki pelbagai bidang, institusi, organisasi dan sebagainya. Tanggapan dan persepsi umum mengenai kemampuan kepimpinan wanita haruslah diketepikan kerana kini peranan wanita sangat penting dalam pembangunan pelbagai bidang yang meliputi bidang politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi.

GENDER

Konsep gender pula boleh mengupas persoalan tentang kekurangan jumlah wanita dalam pemerintahan negara selain menganalisis penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. Dalam konteks penglibatan dalam politik, wanita pada umumnya tidak kelihatan (invisible) berinteraksi dalam politik kerana politik seringkali dikaitkan dengan kegiatan kaum lelaki. Wanita terpaksa menghadapi pelbagai halangan apabila mereka memilih untuk bergerak cergas dalam lingkungan awam seperti bidang politik. Konsep gender iaitu pertama kali diperkenalkan oleh (Stoller, 1968) untuk memisahkan pencirian manusia yang didasarkan pada pendefinisian yang bersifat sosial budaya dengan ciri-ciri biologi. (Oakley, 1972) pula mendefinisikan gender sebagai konstruksi sosial atau atribut yang dikenakan pada manusia yang terbentuk daripada kebudayaan manusia.

Menurut (Rashila Ramli, 2005) persoalan mengenai gender bermula dengan persoalan di manakah kaum wanita? dalam semua bidang penyelidikan. Apabila soalan sedemikian dikaji, kita akan mula menemui wanita yang memainkan peranan, serta berada dalam berbagai hubungan yang berbeza jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Dalam erti kata lain, apabila kita temui wanita, kita bertemu dengan hubungan gender. Dalam bidang pekerjaan pula, konstruksi sosial terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita juga meninggalkan impak yang ketara.

Pertama, sumbangan tenaga dalam pekerjaan wanita seringkali dianggap sebagai pekerjaan sampingan (supplementary labour). Keadaan ini berlaku kerana pada umumnya wanita tidak dianggap sebagai ketua keluarga, satu pandangan yang berteraskan budaya dan agama. Implikasi dari konstruksi sosial mengenai gender ini adakalanya meningkatkan jurang perbezaan dari segi gaji, dan persepsi bahawa sumber kewangan yang disumbangkan oleh wanita kepada keluarganya adalah minimum. Pada hakikatnya, dalam masyarakat hari ini terdapat ramai wanita yang menjadi ibu tunggal yang perlu menyara anak-anak mereka. Juga, adalah satu hakikat bahawa dalam kehidupan pada zaman ini, sesebuah keluarga memerlukan sumbangan kewangan dari kedua suami isteri (Rashila Ramli, 2005).

Kedua, konstruksi sosial yang mengandaikan bahawa wanita mempunyai keupayaan yang lebih melalui watak penyayang telah secara tidak langsung mengkategorikan pekerjaan seperti perguruan dan kejururawatan sebagai sesuai untuk wanita. Secara tidak langsung juga,

pekerjaan berkaitan dengan bidang sains dianggap kurang sesuai untuk wanita. Satu lagi contoh adalah mengenai cara kepimpinan. Menurut (Rashila Ramli, 2005), wanita seringkali dikaitkan dengan cara kepimpinan yang berteraskan kerjasama, sementara kaum lelaki pula dikaitkan dengan cara kepimpinan yang agresif dan sering berkonflik (conflictual). Persepsi seperti ini adalah berasaskan konstruksi sosial terhadap gender yang mengandaikan bahawa kaum lelaki mempunyai pemikiran yang lebih rasional sementara kaum wanita pula terlalu dipengaruhi oleh emosi dalam membuat sebarang keputusan. Dalam konteks penglibatan dalam politik, wanita pada umumnya tidak kelihatan (invisible) berinteraksi dalam politik kerana politik seringkali dikaitkan dengan kegiatan kaum lelaki. Keadaan analisis berubah apabila seseorang penyelidik meneliti bahawa terdapat berbagai halangan apabila wanita ingin menyeberangi satu sempadan untuk bergiat dalam arena yang lain, iaitu berinteraksi dalam ruang awam selain daripada ruang dalaman. (Rashila Ramli, 2005).

Kajian ini telah memilih konsep gender konstruksi sosial sebagai asas kepada penentuan peranan wanita dalam pandangan masyarakat yang telah ditentukan lebih awal mengikut keutamaan peranan wanita dalam kehidupan dan bermasyarakat. Konsep konstruksi sosial yang telah diperkenalkan oleh Oakley (1972) dan dikembangkan oleh Rashila Ramli (1999 & 2005) telah dipilih bagi menelusuri kajian ini.

PEMERKASAAN

Terdapat pelbagai definisi pemerksaan, istilah pemerksaan pertama kali digunakan oleh gerakan Black Panther dalam mobilisasi politik di Amerika Syarikat pada tahun 1960-an. Pada tahun 1980-an gerakan kaum wanita mempopularkan semula konsep pemerksaan ini. Konsep pemerksaan pada masa ini telah masuk ke berbagai khazanah ilmu sama ada pada tataran praktik mahupun sebagai konsep yang dipergunakan dalam berbagai konteks, sehingga pada akhirnya mengaburkan makna atau pengertian yang sesungguhnya (Aida Aditya. S. Hubies 2010).

Sebagaimana menurut Rashila Ramli (2008), terdapat beberapa pemahaman tentang pemerksaan. Pemerksaan yang berteraskan pemikiran liberal akan memberatkan isu kesamarataan gender (gender equality). Bagi mereka yang beraliran konstruktivis, pemerksaan akan ditakrifkan dengan lebih substantif lagi iaitu meliputi kesamarataan dan kesetaraan gender yang merangkumi peluang serta sumber. Peranan wanita meliputi pekerjaan yang berbentuk produktif dan juga reproduktif. Peranan inilah yang dibincangkan dalam konteks kerajaan mahupun wanita itu sendiri berkemahuan untuk memperkasakan diri mereka dalam bidang seperti ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan ialah berasaskan kaedah dalam metodologi sains politik iaitu rekabentuk penyelidikan kualitatif. Dalam penulisan kajian ini penyelidik menggunakan dua kaedah pengumpulan data primer iaitu pemerhatian dan temu bual. Temubual telah dijalankan secara 'purposive' di mana calon-calon temu bual yang terpilih mengikut kriteria yang ditetapkan. Hasil temu bual merupakan data primer yang akan memperlihatkan perbezaan


pandangan, kemampuan serta kepimpinan di antara mereka dan pandangan mereka terhadap isu, halangan, kepentingan dan cabaran wanita dalam arena politik. Beberapa orang responden terpilih dari kalangan ahli akademik, tokoh-tokoh politik dari parti-parti Barisan Nasional (BN) dan juga parti-parti dari Pakatan Rakyat (PR).

DAPATAN KAJIAN

Representasi politik adalah sebahagian dari penglibatan dan keperluan proses pemerkasaan wanita terutamanya bagi tahap kesedaran, mobilisasi dan partisipasi. Kewujudan representasi politik akan mempercepatkan proses pemerkasaan wanita dengan kewujudan pelbagai aktor yang mewakili wanita dan aspek yang berkepentingan untuk wanita. Ramai para pengkaji serta penulis yang kebanyakannya bersependapat bahawa kaum wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam aktiviti politik dan kepimpinan. Malah kepimpinan juga tidak dipengaruhi oleh gender. Oleh itu, penglibatan serta penyertaan wanita dalam bidang ini tidak boleh dinafikan lagi, begitu juga dari sudut kemampuan, kesedaran politik yang tinggi dan persediaan yang mencukupi.

Penglibatan politik wanita dapat dilihat melalui Rajah 1: Perubahan bilangan representasi wanita di peringkat DUN dan Parlimen iaitu sejak tahun 1980-2013, wanita yang manjadi ahli Parlimen serta pembuatan keputusan yang berada di tahap maksimum adalah masih rendah. Representasi wanita sebagai pemimpin tertinggi setiap parti di Malaysia juga dilihat masih sedikit dan tidak banyak perubahan terutama kepada parti UMNO, PAS, MIC dan lain-lain.

Sebagaimana menurut Rafidah Aziz (2015), walaupun terdapat peningkatan keahlian dalam parti UMNO secara umumnya, namun wanita masih lagi jauh ketinggalan dalam keterwakilan dalam parti di peringkat tertinggi. Mahathir Mohamad (2015) pula menyatakan wanita perlu lebih cekap untuk mendapat sokongan ahli parti dalam pemilihan. Ini kerana kebanyakan ahli jawantankuasa pemilihan dalam parti adalah lelaki dan tampuk kepimpinan tertinggi juga dikuasai oleh lelaki. Oleh itu, wanita mestilah bijak mengatur strategi untuk dipilih sebagai calon dan mendapatkan undi bukan sahaja dari ahli wanita tetapi juga lelaki. Wanita perlu membuktikan dirinya berkemampuan dan cekap dalam memenangi hati para pengundi.



Rajah 1: Perubahan bilangan representasi wanita di peringkat Parlimen dan ADUN tahun 1982-2013.
 Sumber: Diubahsuai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2013.

Berdasarkan rajah 1 menunjukkan perubahan bilangan representasi wanita di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun 1982-2013. Sekiranya dilihat di peringkat Parlimen terdapat peningkatan bilangan ahli Parlimen wanita dari tahun 1982 iaitu daripada 8 orang kepada 22 orang ahli Parlimen wanita. Namun bilangan ini masih rendah dan tidak mencapai dasar kerajaan untuk menghasilkan sebanyak 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan, berbanding di peringkat Dewan Undangan Negeri, bilangan wanita untuk menjadi wakil adalah lebih tinggi berbanding di peringkat Parlimen. Pada tahun 1986 hanya 12 orang sahaja ADUN wanita dan meningkat setahun ke setahun menjadi 65 orang ADUN wanita pada tahun 2013.

Kebanyakan parti hanya memberi peluang kepada calon wanita untuk bertanding dengan meletakkan calon wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri yang lebih tinggi berbanding dengan peringkat Parlimen. Walau pun tingkat kesedaran politik wanita semakin meningkat namun peluang mereka untuk bertanding ke peringkat tertinggi agak sukar kerana kepimpinan parti belum bersedia meletakkan dan mengharapkan calon wanita sebagai pilihan utama parti.

Penglibatan politik wanita bermula sewaktu pergerakan anti-kolonial. Kaum wanita Melayu khususnya telah memberikan kesan yang amat penting terhadap politik moden sewaktu pergerakan anti-Malayan Union yang kemudiannya disatukan sebagai UMNO. Sejak daripada itu, pergerakan wanita UMNO terus menjadi organisasi politik wanita utama di Malaysia. Tradisi ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Puteri UMNO pada tahun 2000. Dr Mahathir, yang merupakan Presiden UMNO dan Barisan Nasional pada ketika itu telah memberi sokongan yang padu terhadap penubuhan sayap baru ini. Puteri UMNO telah berjaya mengumpulkan keahlian di kalangan golongan wanita Melayu kontemporari yang amat berminat untuk menyumbang ke arah pembangunan negara, khidmat sukarela dan khidmat masyarakat, dan mereka juga menunjukkan keinginan untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. (Rashila Ramli dan Saliha Hassan 2010)

Pendekatan aktivisme politik Puteri UMNO lebih menekankan khidmat masyarakat dan bukan berpolitik semata-mata. Pendekatan ini ternyata telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan ahli-ahlinya. Dan tahun 2002 hingga 2004, di bawah kepimpinan dinamik Azalina Othman yang menyandang jawatan ahli Parlimen Pengerang dan Menteri Pelancongan Malaysia, Puteri UMNO telah berjaya meletakkan dirinya di persada politik Malaysia. Ia telah berjaya menunjukkan kewibawaannya sebagai sebuah parti politik yang kuat sewaktu pilihanraya kecil sebelum pilihanraya umum 2004.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, jumlah representasi politik formal wanita adalah jelas ketinggalan berbanding kaum lelaki. Selepas Pilihan Raya Umum ke 12, 2008 (PRU12), jumlah kerusi Parlimen yang diduduki oleh wakil rakyat wanita adalah 23 kerusi iaitu 10.36 peratus dari 222 kerusi parlimen. Jumlah ini tidak mempunyai perubahan yang signifikan sekiranya dibandingkan dengan pilihan raya umum sebelumnya. Hal yang lebih mendukacitakan berlaku sekiranya dilihat dari jumlah representasi politik formal di peringkat Dewan Undangan Negeri. Isu ketidaksamaan representasi politik ini sering kali membawa kepada pelbagai cabaran dan permasalahan kepada wanita Malaysia dan ia masih belum dapat diselesaikan (Rashila Ramli 1998; Maznah Mohammad 2002; Saliha Hassan 2005). Secara keseluruhannya, tahap representasi politik formal wanita adalah rendah dan tidak mencapai kuota 30 peratus¹ seperti yang telah dipersetujui oleh pelbagai aktor terutamanya Kerajaan negara-negara anggota PBB.

Perwakilan wanita dalam arena politik pada mulanya sangatlah rendah daripada 1 peratus yang mewakili wanita di Parlimen (1950-an), kepada 5.2 peratus pada tahun 1980-an dan 7.8 peratus pada tahun 1990-an (HAWA 1995). Pada akhir 1989, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Dasar Wanita Negara secara rasmi. Tunggak utama dasar ini adalah untuk memastikan kesemua golongan wanita akan dapat melibatkan diri dan memperolehi manfaat daripada pembangunan negara. Secara ringkasnya objektif dasar ini adalah untuk memastikan kesamarataan dari segi pemerolehan sumber, maklumat, peluang dan insentif bagi kaum lelaki dan wanita dan supaya kaum wanita dapat memberikan sumbangan yang bermakna untuk pembangunan negara dan merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Seterusnya ialah untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan yang bersesuaian dengan kebolehan dan kelayakan mereka.

Pada tahun 1990-an telah menyaksikan perubahan baru yang berinteraksi dengan lain-lain perkembangan masyarakat di arena politik Malaysia. Perwakilan wanita lebih menonjol dalam isu-isu perjuangan wanita dan wacana politik baru lebih berkait rapat dengan hak gender dan wanita. Profail semasa wanita yang berkecimpung di dalam bidang politik telah mengalami perubahan yang radikal berbanding dengan era sebelum 1990-an, di mana kaum wanita lebih merupakan penyokong kuat bagi perjuangan politik kaum lelaki. Lewat tahun 1990-an juga telah menyaksikan kemunculan parti kebangsaan pertama yang dipimpin oleh seorang wanita

¹ Kuota 30 peratus merupakan salah satu dari 14 aspek kritikal yang disimpulkan dalam Persidangan Wanita Sedunia Beijing pada tahun 1995. Kerajaan Malaysia bersetuju dengan kuota ini dan telah memperkenalkan Dasar 30 peratus Peringkat Pembuatan Keputusan Wanita namun ianya hanya dikhaskan untuk kakitangan sektor Kerajaan sahaja.

iaitu Parti KeAdilan Malaysia. Presiden dan pengasas parti ini ialah YB Datuk Seri Wan Azizah bt Wan Ismail, isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada tahun 2000, politik Malaysia dilihat lebih peka terhadap isu-isu gender dan wanita. Pada pilihanraya 1999, bilangan calon wanita yang memenangi pilihanraya peringkat Parlimen telah meningkat menjadi 10.4 peratus daripada 7.8 peratus pada pilihanraya sebelumnya. Ini kerana ramai calon wanita yang terdiri daripada golongan profesional dilihat mula terlibat aktif dalam politik. Golongan ini peka mengenai isu-isu semasa tempatan, isu-isu antarabangsa, isu-isu gender dan sebagainya. Selepas pilihanraya umum 2008, telah membuktikan bahawa parti-parti politik mula menyedari pengaruh politik wanita di kalangan pengundi. Oleh itu, perlu adanya satu kekuatan politik yang lebih besar bagi memperjuangkan polisi-polisi yang sensitif gender dan mesra wanita yang dapat menghasilkan suasana yang menggalakkan pemerkasaan wanita, terutamanya bagi menambah bilangan perwakilan wanita supaya mereka dapat menyumbang kepada masyarakat melalui proses pilihanraya. Kaum wanita diberi peluang untuk maju ke hadapan agar negara tidak kehilangan kepimpinan wanita yang berharga dan membantu membangunkan modal insan.

Walaupun bagaimanapun menurut Rosnah Shirlin (2015) di Sabah juga tidak kurang ramai ikon-ikon politik wanita Sabah yang lahir sejak tahun 1980-2013 yang boleh dibanggakan. Antaranya Toh Puan Rahimah Stephens, Azizah Md Dun, Datuk Aariah Tengku Ahmad, Datuk Dayang Mahani Pangeran Raffae, Datuk Norjan Khan Bahadar dan ramai lagi. Malah beliau sendiri pernah menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia pada tahun 2008. Namun penglibatan wanita secara serius dalam bidang politik masih kurang. Oleh itu, sokongan dari pelbagai pihak sangat penting bagi wanita untuk terus maju serta aktif berpolitik. Sokongan yang diperlukan ialah melalui sokongan dari sekeliling wanita tersebut seperti majikan, keluarga, suami, masyarakat, kepimpinan parti dan lain-lain lagi.

Di Sarawak pula, Nancy Shukri (2015) menyatakan wanita terlibat aktif pada mulanya dalam persatuan serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Kaum Ibu dan kemudian terlibat dalam politik setelah perjuangan mereka berkait dengan tuntutan kemerdekaan serta hak-hak bangsa mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa agar terjamin. Ramai tokoh-tokoh politik wanita Sarawak lahir sejak tahun 1980-2013 yang disegani serta dihormati. Namun tidak ramai wanita yang aktif berpolitik serta menjadi calon bagi mewakili parti masing-masing. Ramai tokoh-tokoh politik wanita Sarawak hanya bekerjasama dengan ahli-ahli politik lelaki berbanding menonjolkan diri mereka sendiri dalam perjuangan mereka. Walaupun wanita tidak memegang jawatan tinggi dalam parti tetapi mereka adalah penyumbang kepada kejayaan dalam perjuangan parti dan negara.

Oleh hal yang demikian, sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negara-negara di dunia begitu dominan sekali. Wanita hari ini bergerak maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, kepimpinan dan sebagainya. Menurut sarjana sains sosial dan kemasyarakatan, pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial yang menyeluruh ataupun berlaku transformasi secara progresif. Dalam memastikan pembangunan berjalan dengan lancar, maka

peranan wanita tidak boleh diketepikan. Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negara-negara di dunia begitu dominan sekali. Nama-nama seperti Margaret Thatcher, Indra Gandhi, Benazir Bhutto, Corazon Aquino dan lain-lain sudah menjadi sinonim kepada pemimpin-pemimpin dunia.

Sekiranya wanita tidak mengambil bahagian cergas dalam politik, siapakah akan mewakili hasrat dan aspirasi wanita dalam penggubalan dasar, pentadbiran dan pembangunan masyarakat dan negara? Walaupun andaian dibuat bahawa kaum lelaki sangat prihatin dan benar-benar ingin mewakili hasrat dan aspirasi wanita, namun ada keputusan dan tindakan mereka yang tidak sama seperti pemimpin wanita dalam politik kerana perbezaan jantina. Ini kerana lazimnya wanita kurang terbuka untuk berbincang masalah peribadi mereka dengan wakil lelaki berbanding wakil wanita. Secara tidak langsung berlaku kurang kefahaman mendalam mengenai kehendak dan aspirasi wanita dalam dasar dan tindakan kaum lelaki. Mungkin apa yang diputuskan dan dilaksanakan bukan mencerminkan kehendak dan aspirasi kaum wanita.

Justeru itu, keistimewaan wanita mengambil bahagian dalam politik adalah peranan mereka sebagai pengimbang antara jantina. Perwakilan wanita dalam politik dapat menentukan wujud keadaan saksama, peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk hidup dan maju sebagai rakan kongsi dalam keluarga dan masyarakat. Peranan wanita dan lelaki sebagai rakan kongsi antara jantina perlu juga diterapkan dalam politik negara. Barulah kita dapat wujudkan keadaan seimbang antara jantina dan membina masyarakat yang lebih saksama dan adil.

Terdapat pelbagai cabaran yang perlu hadapi untuk memperkasa representasi wanita dalam penglibatan politik. Walaupun setiap tahun terdapat peningkatan keahlian wanita dalam parti-parti politik, namun peluang mereka untuk menjadi perwakilan atau representasi serta pembuat keputusan masih sedikit. Ini adalah disebabkan oleh cabaran pertama iaitu struktur parti yang telah dikuasai oleh perwakilan lelaki berbanding wanita. Malah ruang politik juga sangat kondusif bagi kaum lelaki berbanding wanita. Kebanyakan negara, politiknya lebih kepada *machois* iaitu mengutamakan perwakilan daripada lelaki dan menganggap lelaki lebih layak untuk memegang jawatan kerana mereka lebih berkebolehan, berkemampuan serta mempunyai kemahiran kepimpinan yang lebih baik daripada wanita terutama dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran. Sebagaimana menurut Sharizat Abd Jalil (2014) menyatakan wanita perlu keluar dari zon selesa mereka, sudah masanya wanita menjadi ahli dalam kepimpinan tertinggi parti. Oleh itu, dalam mesyuarat agung UMNO yang lalu beliau telah mencadangkan wanita menjadi Naib Presiden sebagai permulaan kepada perubahan dan transformasi wanita mengenai kepekaan mereka terhadap isu merapatkan jurang gender dan sumbangan wanita selama ini.

Selain itu, wanita juga perlu mendepani cabaran kedua iaitu terhadap peluang yang terhad untuk mereka menjawat jawatan tertinggi di peringkat kepimpinan tertinggi parti. Walaupun terdapat peningkatan ahli wanita dalam setiap parti juga tidak membawa banyak perubahan dalam parti kerana kelayakan mereka sebagai pengundi kepada kedudukan tertinggi parti tiada kerana kebanyakan parti hanya mensyaratkan ketua-ketua cawangan, bahagian dan

pusat sahaja yang boleh mengundi. Kebanyakan wanita hanya menjadi ahli biasa dan dianggap sebagai tidak penting yang merupakan ahli sokongan kepada parti. Walaupun kini pengundian telah dibuka diperingkat akar umbi (ahli biasa) tetapi ia hanya akan mewakili keputusan undi bagi peringkat cawangan. Kesukaran wanita untuk menembusi gawang kepimpinan tertinggi parti adalah kelemahan wanita sendiri yang tidak peka serta tidak peduli dengan kepentingan sokongan-sokongan daripada ketua-ketua peringkat cawangan, bahagian dan pusat yang rata-rata terdiri daripada orang lelaki. Wanita lebih selesa berada dikedudukan mereka sebagai sayap wanita bagi sesebuah parti. Walhal wakil wanita boleh duduk sama tinggi dengan wakil lelaki di barisan kepimpinan tertinggi dan utama sesebuah parti. Contoh UMNO, MCA, MIC dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun, lewat tahun 1990-an telah menyaksikan kemunculan parti kebangsaan pertama yang dipimpin oleh seorang wanita iaitu parti KeADILan Malaysia (PKR). Presiden dan pengasas parti KeADILan adalah Wan Azizah Wan Ismail, isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Anwar. Pada pilihanraya umum 2008 telah menyaksikan jumlah calon wanita yang tertinggi iaitu seramai 168 calon wanita yang bertanding untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri berbanding pilihanraya sebelumnya iaitu seramai 129 calon wanita yang bertanding. Sebahagian besar calon-calon ini telah memenangi kerusi masing-masing. Pada ketika ini, terdapat lebih ramai wanita yang sangat berkelayakan dan berminat untuk menjadi calon. PAS juga telah memberi lebih banyak peluang kepada sayap Muslimat untuk menjadi calon dan hampir kesemua calon wanita PAS merupakan golongan profesional yang berpendidikan tinggi. Ini amat bertepatan dengan profail semasa ahli politik wanita di Malaysia. Trend ini telah dinyatakan di dalam laporan oleh (KPWKM, 2003; 112) yang menekankan bahawa perubahan utama di dalam status dan peranan kepimpinan wanita Malaysia sejak merdeka datangnya daripada peningkatan penglibatan mereka dalam parti politik, lantikan ke jawatan penting, organisasi wanita dan perundangan.

Cabaran yang ketiga ialah wanita mesti berani mencabar diri untuk terkehadapan dalam politik. Sebagaimana dinyatakan oleh Rafidah Aziz (2015) wanita tidak perlu bersaing dengan wakil lelaki atau wanita tetapi wanita perlu bersaing dengan diri sendiri dahulu. Wanita perlu berani mencabar kemampuan diri, sentiasa tidak berputus asa serta perlu mempunyai daya inovasi yang tinggi bagi meningkatkan keupayaan diri. Walau bagaimanapun, menurut Rosnah Shirlin (2015) sokongan dari ketua-ketua parti juga penting bagi membolehkan wanita terkehadapan dalam politik kerana peranan mereka yang akan menentukan dan memberi ruang serta peluang untuk wanita terpilih menjadi calon utama dalam pilihan raya.

Cabaran keempat untuk memperkasakan representasi wanita juga boleh dilihat sekiranya wanita mampu menangkis pandangan stereotaip dan diskriminasi. Anggapan stereotaip masyarakat yang sentiasa mencurigai kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan telah mendiskriminasi dan mengkonstruksi peranan wanita dalam masyarakat. Kurang pendedahan dan sikap tidak peka kepada masalah gender juga turut memberi kesan kepada wanita untuk terlibat aktif serta menjawat jawatan penting dalam parti atau pentadbiran negara. Wanita perlu mengatasi masalah persepsi dan diskriminasi terhadap kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan. Wanita yang bijak akan

merancang perjalanan politik mereka dan akan mendapat sokongan dari peringkat akar umbi, cawangan, bahagian hingga ke pusat parti. Dalam hal ini, wanita yang benar-benar cekap mampu meraih undi yang banyak terutama daripada lelaki kerana kebanyakan ketua-ketua di peringkat cawangan, bahagian dan pusat terdiri daripada lelaki. Mereka adalah penentu kepada kedudukan tertinggi bagi calon-calon pilihan untuk berada di barisan kepimpinan tertinggi parti. Menurut Rosnah Shirlin (2015) bahawa wanita lebih selesa berada dalam kalangan mereka dalam pertubuhan, yang mana wanita tidak terlibat dengan pemilihan parti sama ada di peringkat cawangan ataupun bahagian. Walaupun kita mempunyai dua ketua bahagian yang terdiri daripada wanita, namun ia tidak menggambarkan keadaan sebenar bahawa wanita peka mengenai penglibatan mereka dalam parti.

Cabaran seterusnya ialah ruang politik wanita yang terbatas. Penekanan wanita terhadap ruang lingkup peribadi secara langsung menyebabkan peranan wanita dibataskan hanya untuk kepentingan keluarga serta rumahtangga sahaja. Ini amat bertentangan dengan pandangan Mahathir Mohamad (2015) yang menyatakan bahawa sebenarnya tidak ada sekatan untuk wanita menjawat jawatan tertinggi dalam parti atau kabinet tetapi wanita perlu lebih cekap untuk merebut jawatan tersebut. Wanita perlu menonjolkan keupayaan dan kebolehan mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah politik, secara tidak langsung keupayaan mereka tidak akan dicurigai lagi oleh masyarakat. Sanusi Junid (2016) pula menyatakan bahawa masalah wanita Malaysia adalah keberanian untuk tampil kerana sebenarnya tidak ada sekatan bagi wanita untuk menonjol, sebagai mantan setiausaha agung UMNO, beliau nyatakan bahawa memang tidak ada sebarang peruntukan undang-undang dalam perlembagaan UMNO yang melarang wanita menjadi ahli jawatankuasa diperingkat cawangan mahupun bahagian. Oleh itu, wanita yang perlu bijak dan cekap untuk merebut peluang tersebut.


Isu agama pula sering dijadikan alasan oleh kaum lelaki agar wanita tidak bergiat aktif dalam politik. Akibat dari keterbatasan hukum-hukum agama secara tidak langsung telah menghadkan kedudukan wanita dalam kepimpinan dan pentadbiran. Wanita tidak dibenarkan melanggar hukum agama, adat serta nilai-nilai budaya timur yang menidakkan peranan wanita di peringkat ruang awam. Wanita lebih sinonim berada di ruang lingkup dalaman iaitu sesuai dengan peranannya sebagai anak perempuan, isteri dan ibu. Secara tidak langsung wanita menjadi kumpulan kelas kedua yang ditidakkan peranannya kepada masyarakat dan negara.

Akhir sekali ialah cabaran undang-undang pertubuhan parti. Menurut Halimah Ali (2015) bagi wanita PAS untuk menjadi calon dalam pilihan raya bukanlah mudah, walaupun mereka telah dipilih dalam majlis syura namun wanita tidak boleh membuat keputusan sendiri sama ada mahu terima atau tidak. Sebaliknya calon wanita tersebut perlu berbincang dan mendapatkan keizinan daripada suami terlebih dahulu untuk menolak atau menerima pencalonan tersebut. Malah lazimnya berita atau keputusan wanita terpilih sebagai calon pilihan raya akan disampaikan kepada suami terlebih dahulu oleh wakil ahli jawatankuasa parti. Ini kerana wanita PAS terutama yang telah bersuami adalah terikat dengan keterbatasan dalam agama yang perlu taat kepada suami. Undang-undang pertubuhan PAS agak membataskan untuk wanita sama-sama berjuang dengan ahli lelaki. Ini adalah kerana Dewan Muslimat adalah bahagian yang asing dengan PAS. Wanita tidak sewenang-wenangnya untuk bertanding

di peringkat tertinggi parti kerana mereka adalah bahagian yang berbeza dengan kepimpinan utama parti.

Pemimpin wanita juga mempunyai daya saing yang tinggi sama seperti pemimpin lelaki, malah mereka juga bukan sahaja boleh melakukan pelbagai perkara serta tugas tetapi juga boleh memimpin dan memasuki pelbagai bidang, institusi, organisasi dan sebagainya. Tanggapan dan persepsi umum mengenai kemampuan kepimpinan wanita haruslah diketepikan kerana kini peranan wanita sangat penting dalam pembangunan pelbagai bidang yang meliputi bidang politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi. Wakil rakyat wanita melaksanakan kewajipan mereka sama seperti wakil rakyat lelaki di peringkat kawasan, parlimen dan sehingga ke peringkat antarabangsa. Seajar dengan matlamat Dasar Wanita Negara yang mahu meningkatkan partisipasi wanita sebanyak 30 peratus dalam pelbagai bidang menjadi kenyataan. Kerjasama daripada pelbagai pihak sangat penting untuk menjayakan dan memperkasakan partisipasi wanita dengan memberi mereka peluang lebih banyak lagi dan menolak unsur-unsur yang mendiskriminasi wanita.

Keterwakilan wanita sebagai representasi telah didominasi oleh negara-negara di benua Afrika, Amerika Selatan dan Eropah. Menurut Noraini Ahmad (2014), negara-negara seperti di benua Afrika terutamanya telah menetapkan kuota sebanyak 50 peratus untuk wanita menjadi representasi formal berbanding Malaysia hanya meletakkan syarat 30 peratus sebagai sasaran untuk memperkasakan wanita, namun masih belum dapat capai lagi. Buat masa ini kita hanya mampu capai dalam jawatan pentadbiran negara. Sepertimana yang dinyatakan oleh (Azza Karam, 1998) peningkatan jumlah wanita Pakistan yang terlibat dalam politik adalah kerana mereka mengamalkan sebuah model reservasi (*kuota*) wanita di Pakistan. Model ini melibatkan National Reconstruction Bureau. Ia telah memotivasi wanita Pakistan untuk menyokong reservasi tersebut. Model ini telah berjaya di peringkat daerah dan terdapat peningkatan penglibatan wanita dalam politik yang mana jumlah wanita di peringkat Parlimen meningkat sebanyak 17 peratus (Rasyidin, 2012). Ketika temubual Nik Safiah Karim (2015) menyatakan sistem kuota yang diadakan secara langsung dapat meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang politik. Malaysia boleh cuba untuk menetapkan sistem kuota ini kepada wanita sebagai pemangkin bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan terutama dalam bidang politik.



Rajah 2: 10 Negara Teratas Yang Mencapai Sekurang-Kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita Di Parlimen, 2013
 Sumber: Inter Parliamentary Union, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013


Melalui Rajah 2 yang berikut menunjukkan peratus negara-negara yang telah mencapai 30 peratus² wanita sebagai ahli parlimen dan pembuat keputusan bagi tahun 2013. Ia didominasi oleh negara-negara di benua Afrika, Amerika Selatan dan Eropah. Dalam Rajah 2 menunjukkan 10 buah negara teratas yang mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita di Parlimen tahun 2013. Negara-negara tersebut ialah Rwanda, Andorra, Cuba, Sweden, Seycheles, Senegal, Finland Afrika Selatan, Nicaragua, Iceland, Norway, Mozambique dan Denmark. Rwanda berada di kedudukan yang teratas ialah telah mencapai 56.3 peratus jumlah wanita yang terlibat dalam politik di peringkat Parlimen. Sementara Denmark pula sebanyak 39.1 peratus wanita yang berjaya menjadi ahli Parlimen. Negara Afrika Selatan telah mengubah dasar negaranya dengan memperuntukkan sebanyak 50 peratus sebagai kuota wanita di peringkat Parlimen. Walaupun masih belum mencapai 50 peratus wanita di Parlimen namun pencapaiannya telah menghampiri sasaran kuota negaranya iaitu sebanyak 42.3 peratus.

Negara-negara di benua Afrika, Amerika Selatan dan Eropah dilihat lebih terbuka dan memberi peluang yang lebih baik kepada wanita untuk menjadi ahli Parlimen berbanding negara-negara seperti Amerika Syarikat yang dilihat lantang memperjuangkan kesamarataan antara wanita dan lelaki. Namun sukar bagi wanita Amerika untuk berada di kedudukan tertinggi. Ini dapat dilihat melalui pilihan raya memilih Presiden baru-baru ini di antara Trump dan Hillary Clinton. Kemenangan telah berpihak kepada Trump walaupun pada mulanya Hillary dilihat lebih berkualiti dan mempunyai potensi yang lebih besar untuk memenangi

² Kuota 30 peratus merupakan salah satu dari aspek kritikal yang disimpulkan dalam Persidangan Wanita Sedunia Beijing pada tahun 1995. Kerajaan Malaysia bersetuju dengan kuota ini dan telah memperkenalkan Dasar 30 peratus Peringkat Pembuatan Keputusan Wanita namun ianya hanya dikhaskan untuk kakitangan sektor kerajaan sahaja

pilihan raya tersebut berbanding lawannya Trump. Hillary Clinton mempunyai pengalaman yang lebih luas dalam politik dan pentadbiran. Beliau juga merupakan isteri bekas Presiden Amerika Syarikat iaitu Bill Clinton. Sementara Trump pula merupakan seorang jutawan dan ahli perniagaan. Walaupun terdapat pelbagai sebab lain punca kekalahan Hillary Clinton tetapi rakyat Amerika Syarikat juga dilihat belum bersedia menerima seorang wanita sebagai pemimpin utama walaupun Hillary dilihat lebih menonjol berbanding Trump (Politico Magazine, 2017).

Berbeza dengan negara-negara seperti Britain, Jerman, India, Pakistan dan Israel, walaupun negara-negara tersebut pernah dan mempunyai pemimpin utama seorang wanita tetapi jumlah representasi wanita mereka belum mencapai sasaran 30 peratus di peringkat pembuatan keputusan sebagai representasi politik di Parlimen.



Rajah 3: Penyertaan Wanita Di Parlimen Bagi Negara-Negara Asean, 2013.

Sumber: Inter Parlimentary Union, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013.

Rajah 3 pula menunjukkan penyertaan wanita di peringkat Parlimen bagi negara-negara Asean tahun 2013. Negara Asean tersebut ialah Filipina, Lao PDR, Vietnam, Singapura, Cambodia, Indonesia Thailand, Malaysia dan Myanmar. Negara-negara Asean telah bersetuju menetapkan sebanyak 30 peratus pencapaian wanita di peringkat pembuatan keputusan. Filipina, Lao PDR, Vietnam, Cambodia, Indonesia dan Thailand telah menggunakan sistem kuota jantina dalam pilihan raya di negara masing-masing berhubung peratusan representasi wanita di parlimen. Bagi negara Singapura pula, undang-undang negaranya memberi kedua-dua jantina menikmati peluang yang sama di sekolah dan pendidikan yang berdasarkan merit. Oleh yang demikian, peluang wanita dan lelaki dalam politik adalah sama rata. Oleh itu, menurut Nik Safiah Karim (2015) menyatakan mungkin negara kita perlu jadikan sasaran 30 peratus bertukar kepada sistem kuota dalam pemilihan pembuatan keputusan. Sebagaimana yang kita maklum ramai wanita kini berpendidikan tinggi dan berkelayakan bukan sahaja dari segi akademiknya malah wanita juga berkeupayaan serta berkebolehan dalam kepimpinan.

Negara Filipina telah memperolehi 27.1 peratus wanita sebagai wakil Parlimen. Walaupun belum berjaya mendapat 30 peratus yang ditetapkan namun telah menghampiri sasaran 30 peratus tersebut. Myanmar adalah negara yang dilihat kurang memberi peluang kepada wanita untuk memegang jawatan di peringkat Parlimen iaitu hanya memperolehi sebanyak 6 peratus sahaja. Myanmar adalah negara yang paling rendah dalam pencapaian 30 peratus wanita di peringkat Parlimen bagi negara-negara Asean. Malaysia pula menduduki kedudukan yang kedua rendah selepas Myanmar iaitu hanya berjaya mencapai 10.4 peratus sahaja wanita yang manjadi ahli Parlimen.

Berbeza dengan negara-negara di kawasan ASEAN yang dilihat masih sukar mencapai sasaran yang ditetapkan dalam perjanjian di Beijing iaitu 30 peratus wanita menjadi ahli parlimen dan terlibat dalam pembuatan keputusan. Ini adalah disebabkan oleh faktor budaya, adat serta nilai-nilai timur yang mengutamakan kedudukan kaum lelaki daripada wanita. Walaupun terdapat negara ASEAN yang pernah mempunyai Presiden atau Ketua Negara seorang wanita, namun keahlian sebagai representasi formal di peringkat Parlimen masih rendah dan tidak dapat serta belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Contoh negara yang telah mempunyai seorang ketua pemimpinnya wanita ialah seperti negara Indonesia yang pernah diketuai oleh Megawati Sukarno, Filipina oleh Arroyo dan Thailand oleh Yingluck Shinawatra.

Pembangunan sesebuah negara itu bukanlah hanya semata-mata merujuk pada pembangunan ekonomi semata-mata tetapi meliputi pembangunan dari segi sosial, sahsiah dan perpaduan ummah. Untuk itu, pembangunan dari unsur-unsur yang melibatkan faktor-faktor sosial memerlukan tindakan dan perjuangan yang lebih berani dari kaum wanita. Sememangnya perbezaan fizikal wanita akan menyebabkan perbezaan tugas dan tanggungjawab dari pandangan umum, tetapi peranan wanita amat besar dalam sama-sama berganding bahu dengan lelaki dalam membantu pembangunan negara. Perwakilan wanita dalam politik dapat menentukan wujud keadaan saksama, peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk hidup dan maju sebagai rakan kongsi dalam keluarga dan masyarakat.

KESIMPULAN

Pembangunan dan pemeraksanaan representasi wanita dalam penglibatan politik dan organisasi dapat mengukuhkan lagi kestabilan barisan kepimpinan negara yang dilihat mampu memartabatkan dan mengharmonikan barisan kepimpinan negara bersama kaum lelaki. Bakat, kebolehan dan kepakaran yang dimiliki oleh wanita ini setanding dengan kaum lelaki. Malah terbukti apabila kepimpinan wanita dapat menggerakkan dan memimpin parti serta organisasi dengan cemerlang, meningkatkan produktiviti, pulangan kepada pelaburan sosioekonomi untuk jangka masa panjang dan pembangunan modal insan. Oleh itu, wanita perlu menguasai arena politik sebagaimana wanita menguasai dunia akademik di Malaysia pada masa ini.

REFERENCES

- Aida Vitlaya S. Hubies. (2010). *Pemberdayaan perempuan dari masa ke masa*. IPB Press
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan wanita dalam Islam; kedudukannya dalam syariah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azza Karam. (1998). *Women in Parliament: beyond numbers*. International Institute of Democracy and Electoral Assistance (IDEA).
- Carless Carless, S. A. (1998). *Gender differences in transformational leadership: An examination of superior, leader, and subordinate perspectives*. *Sex Roles*, No 39: 887–902.
- Druskat, V. (1994). *Gender and leadership style: Transformational and transactional leadership in the Roman Catholic Church*, *Leadership Quarterly*, No 5: 99–119.
- Halimah Ali. (2015, Oktober 21). Komunikasi personal [Temubual personal]
- Hoyt, C. L. (2007). *Women and leadership*. In *Leadership: Theory and practice*, ed. P. G. Northouse. Sage.
- Jeff Griendfeld. (2017, September 20). The strange authenticity of Hillary Clinton, *Politico Magazine*.
- Laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2003)
- Mahathir Mohamad. (2015, Januari 21). Komunikasi personal. [Temu bual personal]
- Maznah Mohamad. (2002). *From Nationalism to Post-Developmentalism: The Intersection of Gender, Race and Religion in Malaysia*. *Macalester International Autumn*. No 12: 80-102.
- McShane. Steven. L & Mary Ann Von Glinow. (2008). *Organizational behavior: emerging knowledge and practice for the real world*. Mc Graw-Hill.
- Nancy Shukri. (2015, November 12). Komunikasi Personal [Temu bual personal]
- Nik Safiah Karim. (2015, April 7). Komunikasi personal [Temu bual personal]
- Nik Safiah Karim.(1990). *Wanita Malaysia*. ‘K’ Publishing & Distributors Sdn Bhd.
- Noraini Ahmad. (2014, Ogos 22), Komunikasi personal [Temu bual personal]
- Nor Rafidah Saidon. (2012). ‘Kepimpinan dan gender dalam politik: isu dan cabaran wakil rakyat wanita di Parlimen, Malaysia (2004-2011)’. Sarjana Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia,
- Oakley, Ann. (1972). *Sex, gender and society*. Temple Smith.

- Rafidah Aziz. (2015, Mac 6). Komunikasi personal [Temu bual personal]
- Ragins, B. R., & Cotton, J. (1991). *Easier said than done: Gender differences in perceived barriers to gaining a mentor*. *Academy of Management Journal*, No 34: 939-951.
- Rashila Ramli. (1998). *Democratisation in Malaysia: Towards gender parity in political participation*. *Akademika*: 53
- Rashila Ramli. (1998). *Pembangunan politik dan gender: cabaran dan strategi bagi calon-calon wanita*. Dlm. Gender, budaya dan masyarakat. Sunt. Rokiah Talib & shanthi Thambiah. Universiti Malaya.
- Rashila Ramli. (1999). *Gender dan politik: satu penelitian teoretis dan empiris*. Dlm. Teori sains politik pilihan: aplikasinya dalam konteks Malaysia. Sunt. Ghazali Mayudin, Jabatan Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashila Ramli. (2005). Expanding Women's Political Participation; Examining the Options. In Mavis Puthuchery and Norani Othman (eds). *Elections and Democracy in Malaysia*. Penerbit UKM.
- Rashila Ramli. (2008). *Pemeriksaan Wanita dalam Politik Malaysia: Pengamatan dan Analisis*. *Jurnal Kajian Politik dan Masalah Pembangunan (Indonesia)*, No 4(1) 185-194.
- Rashila Ramli dan Saliha Hassan. (2010). *Wanita dan pembangunan politik di Malaysia: alaf baru, politik baru*. Dlm. Himpunan makalah wanita dan pembangunan di Malaysia :satu kesinambungan menyusuli perubahan selama empat dekad/suatu projek Akademik yang diilham dan diselaraskan oleh Jamilah Ariffin. MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.
- Rasyidin Asyi. (2012). *Pemeriksaan politik gender melalui MoU Helsinki: kajian kes provinsi Aceh Indonesia*. PhD Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Abdul Rashid Shirlin (2015, Disember 21). Komunikasi Personal {Temu bual personal]
- Saliha Hassan. (2005). *Malaysia: transformative not alternative*. Dlm. Rashila Ramli, Lubi, Elisa Tita & Djanaeva, Nurgul. *Seethings and Seatings: Strategies for Women's Political Participation in Asia Pasific*, (Ching Mai: Asia Pacific Forum on Women, Law and Development (APWLD): 91-124.
- Sanusi Junid. (2016, Mei 17). Komunikasi personal [Temu bual personal]
- Shahrizat Abdul Jalil. (2014, Disember 3). Komunikasi Personal [Temu bual personal]
- Stoller, Robert. (1968). *Sex and Gender: On the Development of Masculinity and Femininity*. Science House.
- Vasundara M.R. (2011). *Political participation of Muslim women in India*. Dlm. *Women and politic in Asia: a spring board for democracy?*. Sunt. Andrea Fleschenberg dan Claudia Derichs. Institute of Southeast Asian Studies.